



## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7** **TAHUN 1996**

#### ***Kedudukan Cuti Gantian Bagi Kelepasan Mingguan Dan Kelepasan Am***

Adalah dimaklumkan bahawa Akta Cuti 1951 (Pindaan 1989) Seksyen 3 dan 9 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri menentukan hari-hari Kelepasan Am dan hari-hari Cuti Gantian bagi Kelepasan Am tersebut sekiranya terjatuh pada hari bekerja. Kaedah yang diterimapakai sekarang ialah apabila Hari Kelepasan Am terjatuh pada Hari Kelepasan Mingguan, maka hari itu diganti pada hari esoknya dan jika hari kemudiannya pula sedia menjadi Hari Kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan Am.

2. Dengan kuatkuasanya Waktu Bekerja 5 hari seminggu mulai 1 Januari 1996 lalu dengan Kelepasan Mingguan Jumaat dan Sabtu, dan berdasar kepada kaedah di atas, Cuti Gantian akan menjadi (4) hari. Keadaan ini berbeza mengikut kalendar tahun berkenaan.

3. Bagi mengurangkan Cuti Gantian ke atas hari-hari bekerja, kaedah Cuti Gantian adalah dipinda sebagaimana berikut :-

- 3.1. Apabila Hari Kelepasan Am jatuh pada hari kelepasan Mingguan (Jumaat dan Sabtu) secara berturut-turut, maka hari-hari itu diganti dengan hari esoknya (satu hari sahaja) dan jika kemudiannya pula sedia menjadi Hari Kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan Am.
- 3.2. Apabila Hari Kelepasan Am terjatuh pada hari pertama kelepasan Mingguan (Jumaat) tidak ada cuti ganti bagi hari kelepasan am tersebut, kecuali hari kedua (Sabtu) maka hari berikutnya adalah hari cuti ganti.

4. Dengan berkuatkuasanya kaedah baru sebagaimana di para 3.1. dan 3.2. di atas, maka perenggan 2 surat edaran Bil. SUK.D.200 (01) 261/ 5/ Jld. II/ (72A) bertarikh 24 Julai 1995 mengenai Hari Kelepasan Am Tahun 1996 adalah **dibatalkan**.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996.

Sekian. Terima kasih.

**\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM \***



**(HAJI MUSTAPHA BIN DATO' HAJI MOHAMED)**  
Ketua Penolong Setiausaha (Perkhidmatan)  
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**KELANTAN**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**NEGERI KELANTAN**

Bertarikh : 03 Muharram 1417  
21 Mei 1996

SUK (S) D. 200/ 261/ 1/ (49)

Kepada : Semua Ketua Jabatan

Salinan : Semua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri  
Semua Pengurusan Penguasa-Penguasa Tempatan Negeri  
Fail SUK(KN) 85/ 79/ Jld. III